

**Article Info:**

Received Date: 17 July 2018

Accepted Date: 29 August 2018

Corresponding Author:

yehlee90@live.com

## Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam Pengajaran dan Pelajaran Berasaskan Estetik

*Implementation of PBS among Art Teachers in District of Hilir Perak and Bagan Datuk in Aesthetic Based Teaching and Education*

**Lee Hoi Yeh**

**Mohd Zahuri Khairani**

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

yehlee90@live.com

### Abstrak

PBS diperkenalkan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia, melahirkan masyarakat yang berdaya saing, mempunyai nilai moral yang tinggi dan relevan dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat pendidikan negara. Kajian ini bertujuan meneroka pelaksanaan (PBS) guru-guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan estetik. Fokus kajian adalah meneliti kesediaan guru-guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam melaksanakan PBS PSV. Kajian kes ini dilakukan di Sekolah Kebangsaan Hilir Perak dan Bagan Datuk yang terdiri daripada dua orang pentadbir sekolah dan sebelas orang guru Sekolah Kebangsaan di bandar dan luar bandar. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian, rakaman visual dan kajian dokumen. Data-data yang diperolehi akan dianalisis secara berterusan semasa di lapangan menggunakan model alir Miles dan Huberman. Manakala kajian ini akan menggunakan konsep-konsep estetik sebagai konsep utama dan model Assure. Hasil dari kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan untuk mengembangkan Pendidikan Seni Visual dalam kalangan murid di Hilir Perak dan memberi kefahaman kepada guru-guru PSV tentang pelaksanaan PBS yang berlandaskan estetik.

**Kata kunci:** Pelaksanaan, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), Pendidikan Seni Visual, Estetik

### Abstract

*This study aims to explore the implementation of School Based Assessment for art teachers at Hilir Perak and Bagan Datuk in teaching and learning based on aesthetics. PBS was introduced to improve the quality of education in a world-class, competitive society, has high moral values and relevant with the National Education Philosophy and educational goals. The focus of the paper is to examine the readiness of art teachers in implementation of School Based Assessment. This study was conducted using a qualitative approach. Data collected using interviews, observations, document review and visual recordings. The data obtained are analyzed on an ongoing basis while in the field using a flow model of Miles and Huberman. While this study will use the concepts in aesthetic as the main concept and Assure capital. The results of this study can be used as a reference for developing visual art among students in Hilir Perak and Bagan Datuk and understanding the art teachers on School Based Assessment based on aesthetic.*

**Keywords:** Implementation, School-Based Assessment, Visual Art, Aesthetics

## **PENGENALAN**

PBS diperkenalkan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia, melahirkan masyarakat yang berdaya saing, mempunyai nilai moral yang tinggi dan relevan dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat pendidikan negara. Bagi merintis perubahan dan pembaharuan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) bertujuan untuk menambahbaik, memantap dan memperbaharui amalan pentaksiran dan penilaian pendidikan di Malaysia. Sistem baharu ini bersifat holistik dari segi perkara ditaksir, kaedah mentaksir, pentaksir serta perkara dilaporkan dan pengiktirafan (Institut Aminuddin Baki, 2012).

Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 turut memberi perhatian terhadap bidang pentaksiran. Pentaksiran merupakan satu daripada sebelas anjakan untuk mentransformasikan sistem pendidikan. Cadangan tersebut memberi tumpuan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi melalui rombakan peperiksaan dan pentaksiran kebangsaan iaitu peperiksaan dan pentaksiran mestilah berasaskan sekolah dan rujukan kriteria, bukan rujukan norma.

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu daripada komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Bagi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisma penyelaras dan pemantauan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah (Rosli Ilyas, 2008).

Penilaian atau Pentaksiran Berasaskan Sekolah membolehkan guru menilai apa jua aktiviti yang difikirkan sesuai dipelajari murid, bukan sahaja perkara yang berkaitan dengan akademik tetapi juga perkara yang berkaitan dengan pembinaan sahsiah, adab, akhlak dan kemahiran sosial yang dikehendaki oleh majikan dan masyarakat. Dengan cara ini, murid dan guru lebih memberi fokus kepada proses mendidik murid menjadi seseorang yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempamerkan akhlak mulia. Guru yang menilai mestilah berpengetahuan dan berkemahiran dalam menjalankan penilaian pembelajaran murid. Penilaian pengajaran dan pembelajaran menitikberatkan rancangan dan kemajuan program. Ia menilai mengenai apa yang sedang berlaku dalam program, skop dan aktiviti-aktiviti dan gambaran program. Selain itu, guru turut memfokuskan mengenai pelanggan dan personal, mengenal pasti isu-isu utama dan permasalahan yang wujud dan membuat laporan pencapaian program (Stake, R.E.2000).

## **PENYATAAN MASALAH**

Guru Pendidikan Seni Visual berperanan sebagai guru pembimbing, pentaksir sekolah dan mengurus pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual. Sebagai pentaksir sekolah, guru perlu melakukan pentaksiran secara berterusan dan memaklumkan pencapaian semasa calon (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008). Justeru, kualiti diri seorang guru seni khususnya berpengetahuan dalam aspek penskoran dan kemahiran mereka mengendalikan pentaksiran boleh mempengaruhi pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual. Ini kerana faktor kesediaan guru, akauntabiliti guru, peranan pentaksir kawasan dan tahap kompetensi guru khususnya cara melaksanakan pentaksiran seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran sering menjadi isu pelaksanaan PBS. (Tan, 2010)

Apabila PBS dilaksanakan secara berpusat timbul kekeliruan dalam kalangan guru. Setelah dilaksanakan timbul pelbagai persoalan dan isu besar yang menjelaskan pelaksanaannya dengan

berkesan. Di antara persoalan yang timbul ialah guru-guru masih belum memahami konsep dan matlamat PBS iaitu kesediaan dan pengetahuan guru terhadap PBS. Mereka tidak memahami bahawa PBS adalah bertujuan untuk membantu guru-guru mengesan pencapaian serta kemajuan murid supaya tindakan susulan yang sesuai dapat dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran (Rohayah Ishak, 2007).

## KAJIAN LITERATUR

Sebelum merdeka sehingga kini, sistem peperiksaan dan penilaian di Malaysia telah mengalami banyak perubahan, pembaharuan, pendekatan dan penyesuaian lebih daripada lima puluh kali. (Marzita Abdullah, 2003). Perkembangan awal sistem pentaksiran dapat dilihat melalui beberapa kajian yang dilaksanakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

Pelaksanaan PKBS untuk sekolah rendah kini dikenali sebagai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bukanlah sesuatu perkara yang baharu. Sebenarnya, PBS telah lama dilaksanakan dalam kalangan guru di sekolah. Ia dilihat dalam bentuk kerja rumah, soal-jawab, projek, kuiz, dan sebagainya. Pada peringkat permulaan PBS, pelajar di sekolah rendah mesti memperoleh 30% markah daripada kerja kursus dan 70% daripada peperiksaan (Chan, Gurnam, & Md Rizal Md Yunus, 2009). Semua peringkat termasuk pendidikan tinggi menggunakan pendekatan tersebut. Walaupun telah ada penilaian yang dijalankan di sekolah dalam bentuk formatif pada masa itu, tetapi peperiksaan tetap menjadi instrumen utama penilaian.

Konsep PBS yang baharu dicadangkan pada tahun 2005 melalui ‘International Colloquium on Educational Assessment: East Meet West’ memberi perhatian kepada keseimbangan diantara pentaksiran yang dikendalikan oleh pusat dan sekolah. Konsep tersebut dilaksanakan melalui penggabungan hasil Pentaksiran Berasaskan Sekolah (pentaksiran sekolah) dengan pentaksiran dan peperiksaan pusat (Ali Ab. Ghani, 2008).

Kajian soal selidik terhadap kesediaan guru yang melaksanakan PBS telah dilaksanakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia pada bulan September 2012 secara atas talian (*online*). Seramai 84.2 peratus daripada 46,929 guru tingkatan satu sekolah menengah seluruh negara yang memahami konsep PBS. Sekiranya guru memahami konsep pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), maka kerja mentaksir akan menjadi mudah. Guru yang kurang memahami cara melaksanakan pentaksiran seiring dengan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (pentaksiran formatif) juga dapat dikesan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Membina instrumen pentaksiran yang pelbagai bentuk merupakan kekangan yang dihadapi oleh guru kerana mereka sudah biasa menilai pencapaian pelajar menggunakan ujian berbentuk kertas dan pensel. Tambahan pula, guru juga menghadapi kekangan masa kerana proses pengurusan eviden pelajar dalam PBS merupakan proses yang panjang dan perlu ruang yang besar untuk menyimpannya. Pertumbuhan dan perkembangan pelajar sepanjang tempoh persekolahan perlu direkod oleh guru bagi memastikan penguasaan pelajar dalam pembelajaran. (Norizan Abdul Muhid, 2012).

## METODOLOGI PENYELIDIKAN

### Reka Bentuk Penyelidikan

Peranan utama reka bentuk kajian dalam sesuatu penyelidikan adalah untuk memberi gambaran tentang kerangka, perancangan atau strategi yang menentukan prosedur kajian. Kajian kes kualitatif mampu mewujudkan batasan dari aspek skop masa, tempat, peserta kajian yang membolehkan kajian dijalankan secara menyeluruh dan mendalam. Selain itu, kajian kes ini juga menyediakan pelbagai kaedah pengumpulan data yang bersesuaian dengan kes yang dikaji. (Merriam, 2009). Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian, penyelidikan dan juga meneliti proses PBS yang

berlaku di dalam bilik darjah. Penyelidik akan lebih fokus meneroka kesediaan guru-guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk di sekolah rendah dalam melaksanakan PBS PSV.

### **Sampel Penyelidikan**

Responden penyelidikan terdiri daripada pentadbir sekolah, guru-guru major PSV, guru-guru opsyen minor PSV, guru-guru bukan opsyen PSV dan juga seorang guru Pendidikan Khas yang mengajar PSV.

### **Instrumen Penyelidikan**

Penyelidikan dijalankan dengan menggunakan beberapa kaedah atau metodologi seperti pengumpulan data, pemerhatian, temubual dan rakaman visual. Bagi semua kaedah tersebut, penyelidik telah menggunakan sebelas orang partisipan yang terdiri daripada dua orang pentadbir sekolah dan sembilan orang guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Seni Visual. Antara instrumen yang digunakan ialah seperti berikut:

#### **1. Temubual**

Penyelidikan kualitatif sangat bergantung kepada temu bual terutamanya temu bual secara terbuka dalam mengumpul maklumat. Temu bual merupakan komunikasi dua hala atau mana-mana perbualan yang melibatkan persoalan tentang pandangan dan kemahiran yang mendalam (Creswell, 2007). Kaedah ini digunakan sebagai alat pengumpulan data bagi mendapat maklumat yang berkaitan dengan kepercayaan, fakta, perasaan dan aspek-aspek lain yang ingin dikaji dalam sesuatu penyelidikan (Sidek Mohd Noah, 2003).

#### **2. Pemerhatian**

Pemerhatian merupakan satu kaedah yang penting dan dijadikan tumpuan utama dalam pengumpulan data dan maklumat. Pemerhatian ini mengungkapkan gambaran secara sistematik mengenai peristiwa, karya yang dihasilkan, tingkah laku dan benda. Kaedah pemerhatian ini juga dapat memperoleh maklumat iaitu dapat mendokumentasikan sikap dan kesediaan seseorang guru, bagaimana guru melaksanakan PBS, jangka masa melaksanakan PBS, pengetahuan dan bentuk-bentuk pengujian PBS PSV yang dilaksana oleh guru. Penyelidik boleh mendapatkan maklumat yang lebih realistik jika kaedah temu bual diguna bersama.

#### **3. Pengumpulan dokumen**

Kaedah penyelidikan yang ketiga penting dalam kajian ini ialah kaedah mendapatkan data melalui dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kajian. Terdapat pelbagai jenis dokumen yang boleh digunakan dalam penyelidikan kualitatif. Penggunaan kaedah-kaedah telah menjawab objektif dan persoalan penyelidikan. Sumber dokumen diperoleh daripada buku-buku di perpustakaan, buku Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 dan risalah yang berkaitan.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Penyelidik akan mengumpulkan data dan seterusnya menyediakan data-data untuk proses dianalisis. Kerja-kerja ini termasuklah mentranskripsikan temu bual yang diperoleh daripada data temu bual, data rakaman video dan audio, data pemerhatian dan nota lapangan. Proses ini dilakukan secara verbatim berserta dengan kod teks sebagai gambaran untuk kegunaan dalam laporan kajian kod teks sebagai tema atas kegunaan dalam laporan kajian. Dengan ini, penyelidik mengekodkan data bagi memberi label pada kod dan mengesan bahagian teks di samping membaca keseluruhan data dan menyediakan data untuk dianalisis misalnya transkripsi nota lapangan. Seterusnya, penyelidik mengumpul data iaitu teks daripada nota lapangan, transkripsi dan secara ulang-alik perkataan demi perkataan. Proses transkripsi juga melibatkan catatan yang berkaitan dengan keperluan kajian dan catatan aksi pergerakan badan yang membantu dalam dapatan kajian.

- i. Tahap pertama reduksi data, penyelidik meringkaskan data yang telah di transkrip secara menyeluruh. Langkah ini termasuk memilih dan meringkaskan dokumen yang relevan. Kemudian melakukan proses analisis secara terperinci dengan menggunakan pengekodan. Analisis dilakukan secara induktif dan bertujuan bagi mengecam kod-kod yang hadir dalam mengumpul data. Proses ini melibatkan mengambil teks data, memisahkan hukuman-hukuman kepada kategori tersebut dengan satu istilah dan istilah ini digunakan untuk menandakan kategori tertentu berdasarkan bahasa responden sebenar.
- ii. Tahap kedua penyajian data/ analisis data setelah pengumpulan data. Pada langkah ini, penyelidik berusaha menyusun data yang relevan sehingga menjadi informasi yang dapat disimpulkan dan memiliki makna tertentu. Prosesnya dapat dilakukan dengan cara menampilkan data, membuat hubungan antara fenomena untuk mengesahkan apa yang sebenarnya terjadi dan apa tindakan lanjutan untuk mencapai tujuan penelitian. Pengajian data yang baik merupakan satu langkah penting menuju tercapainya analisis kualitatif yang valid dan berkualiti. Miles dan Hubermen (1984) menyatakan: "*the most frequent form of display data for qualitative research data in the past has been narrative text*" yang paling sering digunakan untuk menyajikan data dalam penelitian kualitatif adalah dengan teks yang bersifat naratif. Proses mengekodan dijalankan bagi menghasilkan huraian tema untuk proses menganalisis. Penyelidik menghasilkan kod-kod huraian dan kemudian menghasilkan sebilangan kecil tema-tema. Tema yang dihasil selalu digunakan untuk membuat tajuk dalam membahagikan penemuan kajian. Selanjutnya akan disarankan dalam melakukan data *display* dengan teks yang naratif. Prosedur yang dikemukakan ini masih bersifat sementara dan akan berubah bila ditemukan bukti-bukti kuat yang mendukung tahap pengumpulan data berikutnya.
- iii. Tahap penarikan kesimpulan dan verifikasi. Langkah selanjutnya adalah tahap penarikan kesimpulan dari penelitian dan melakukan verifikasi data. Seperti yang dijelaskan di atas bahawa kesimpulan awal yang dikemukakan masih bersifat sementara dan akan berubah apabila ditemukan bukti-bukti kuat yang mendukung tahap pengumpulan data berikutnya. Proses untuk mendapatkan bukti-bukti inilah yang disebut sebagai verifikasi data. Apabila kesimpulan yang dikemukakan pada tahap awal didukung oleh bukti-bukti yang kuat maka kesimpulan yang diperoleh merupakan kesimpulan yang kredibel. Penyelidik akan mencadangkan satu interpretasi data. Data ini berdasarkan apa yang diperoleh oleh penyelidik secara tafsiran. Interpretasi data ini dilaksana secara dinamik dengan kaedah induktif. Penyelidik akan meneliti kesemua maklumat dalam kajian mengikut kategori maklumat melalui tema utama dan kemudian membawa kepada tema tersebut.

Secara keseluruhan, tiga tahap yang dilalui dalam kajian ini adalah untuk memastikan kajian ini berjalan dengan lancar. Proses kajian ini akan berjalan secara serentak dan berbentuk interatif sehingga ke tahap penyediaan laporan akhir kajian.

## Analisis Data

Analisis data merupakan proses yang kompleks dengan melibatkan pertimbangan antara data konkrit dengan konsep abstrak, antara penaakulan induktif dan deduktif antara deskripsi (Meriam, 2009). Analisis data seni juga merupakan suatu cara bagi pencarian atau pengujian pernyataan umum tentang perkaitan dan berdasarkan tema-tema yang membangunkan teori dari lapangan (Strauss dan Corbic, 1997). Pengumpulan dan analisis data biasanya berjalan serentak dalam kajian kualitatif untuk membina interpretasi data yang koheran. Coffey dan Atkinson (1996) menyarankan bahawa pengumpulan data tidak boleh dijalankan tanpa analisis yang mendalam dijalankan bersama dalam penyelidikan kualitatif. Cresswell (2008a) menyarankan bahawa analisis data kualitatif memerlukan kefahaman bagaimana menjadikan imej dan teks supaya persoalan kajian dapat dijawab. Silverman (2010) menyatakan tiga cara yang dapat diguna dalam proses menganalisis data iaitu *grounded theory*, analisis naratif dan juga analisis kandungan. Penyelidik menggunakan kaedah analisis secara naratif dalam kajian ini kerana proses analisis dalam kajian ini akan berlaku serentak

bersama proses pengumpulan data yang dilakukan secara deskriptif iaitu diurai dalam bentuk naratif atau penceritaan.

Penyelidik akan menganalisis kesediaan guru dalam melaksanakan PBS PSV. Penyelidik akan menggunakan pendekatan bagi menjelaskan apa yang difahami oleh penyelidik dengan menstrukturkan semula data dalam bentuk yang sebenar agar mudah difahami. Penganalisisan bermula sebaik sahaja memperoleh maklumat. Proses ini dijalankan secara berterusan sehingga data-data lain siap dikumpul kerana data yang dikutip semasa kerja lapangan adalah tidak tersusun, justeru penyelidik dapat memproses data dengan lebih terancang.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Kesediaan guru-guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam melaksanakan PBS**

Bagi membincangkan persoalan kajian penyelidik telah menggunakan data kajian dokumen dan temu bual. Bahan dokumen yang digunakan ialah buku Panduan Pendidikan Seni Visual, borang Pelaporan PBS, buku Panduan Pengajaran KSSR PSV Tahun 4,5,6. Dapatkan kajian dibentang dengan mengikut tema yang menjurus kepada kes yang dikaji. Melalui kajian temu bual dan dokumen yang dijalankan terhadap guru-guru PSV di sekolah A, B dan C, terdapat beberapa aspek kesediaan yang dilakukan oleh guru untuk melaksanakan PBS di sekolah rendah iaitu, kesediaan menghadiri kursus PBS PSV, menyatakan objektif dan menganalisis pelajar.

### **Kesediaan menghadiri Kursus PBS PSV**

Berdasarkan dapatkan kajian, kedua-dua pentadbir sekolah dari sekolah A dan sekolah C berpendapat bahawa guru-guru yang mengajar subjek PSV telah menghadiri kursus latihan, sama ada latihan *In House*, atau kursus yang dianjurkan oleh PPD. Lantaran itu, sebelum melaksanakan pentaksiran, guru-guru perlu ada kesediaan bagi menyempurnakan pelaksanaan PBS. Proses kesediaan merupakan proses yang sangat penting, tanpa ilmu pengetahuan tentang pentaksiran, seseorang guru akan menghadapi pelbagai kekangan semasa melaksanakan PBS PSV. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan pendapat responden PS 1 dan PS 2:

Guru-guru selalu diberi latihan seperti kursus, *In House Training*, ladap dan sebagainya. Kursus-kursus ini memberi kesediaan kepada guru-guru dalam menjalankan pentaksiran PBS (TB1 PS1, 7/4/2017). Semua guru telah menghadiri kursus termasuk yang terkini, mereka dapat menterjemahkan ketirisan, biasanya setiap sekolah akan diwakili seorang guru, walaupun ada kebarangkalian setiap sekolah mempunyai lebih daripada seorang guru PSV. JU PPD mungkin beri maklumat 100%, kemudian sampai kepada guru pula mungkin tinggal 70%, dan apabila guru itu pula menerangkan kepada guru-guru lain hanya 50% dan akhirnya peratus semakin rendah apabila disampaikan kepada murid. Kadang-kadang kursus di peringkat JU selama tiga hari, PPD jelaskan dalam satu hari, dan dalam bengkel LADAP hanya dua jam untuk dijelaskan maka di sini berlaku ketirisan. (TB2 PS 6, 14/4/2017)

Pandangan PS 2 di atas menjelaskan walaupun terdapat kursus khas yang dilaksana bagi penerangan pelaksanaan PBS PSV, tetapi aspek pelaksanaan kursus tersebut perlu diperbaiki kerana maklumat yang disampaikan biasanya tidak sempurna seperti apa yang diberitahu oleh PS 2, maklumat yang disampaikan oleh JU PPD mungkin seratus peratus tetapi apabila pihak sekolah yang mengendalikan *In House Training* hanya mengambil masa yang suntuk untuk melaksanakannya. Maklumat yang diterima oleh guru yang mengajar subjek PSV mungkin tinggal beberapa peratus, menyebabkan guru tidak dapat menyempurnakan pelaksanaan PBS PSV.

Guru-guru sekolah di sekitar daerah Bagan Datuk dan Hilir Perak biasanya telah menghadiri kursus *In House Training* yang dikendali oleh guru-guru yang telah menghadiri kursus

di PPD awal tahun. Kebiasaannya, setiap sekolah hanya menghantar seorang sahaja guru untuk menghadiri kursus yang dianjurkan oleh pihak PPD dan selepas balik daripada kursus tersebut guru akan menjalankan kursus *In House Training* di sekolah masing-masing. Berikut merupakan pendapat seorang responden di sekolah A:

Sejak beberapa tahun yang lepas, guru-guru telah didedahkan pengetahuan tentang PBS. Setiap guru yang menghadiri kursus PBS yang diadakan akan diberi latihan kemahiran yang memenuhi pelaksanaan PBS. Saya turut pernah menyertai kursus PBS dan tidak kurang daripada lima kali. (TB7 Guru A, 14/4/2017)

Pandangan guru A di atas menjelaskan bahawa setiap guru telah bersiap sedia dengan pelaksanaan PBS kerana telah didedahkan ilmu pengetahuan tentang PBS. Selain itu, bagi penceramah yang mengendalikan kursus, mereka perlu memastikan setiap peserta telah menguasai kemahiran yang memenuhi dengan pelaksanaan PBS. Menurut guru E:

PBS dilaksanakan berasaskan kursus yang diberi kepada guru PSV pada setiap tahun. Dalam kursus PSV, guru diberikan modul dan diterangkan cara-cara untuk melaksanakan PBS PSV dalam kelas. Kursus yang dihadiri memang disediakan instrumen dan cara-cara untuk melaksanakan PBS PSV di dalam kelas. Kursus-kursus yang telah dihadiri hampir setiap tahun (TB 5 Guru E, 7/4/2017).

Keadaan berbeza dengan kajian yang dijalankan pada guru F. Beliau berpendapat biasanya ketua panitia berperanan untuk memaklumkan pelaksanaan PBS PSV dalam mesyuarat dan beliau berkata kebanyakan guru tidak mempunyai kesediaan untuk menjalankan PBS PSV. Apabila dilakukan secara paksa, maka pelaksanaannya tidak telus. Pada pandangan saya, kalau ditanya sejauh mana kesediaan guru melaksanakan PBS, adalah didapati kebanyakan guru tidak bersedia melaksanakannya disebabkan banyak lagi perkara lain yang guru perlu buat apatah lagi pendidikan masa kini. Penilaian itu berlaku pada hujung tahun sahaja yang sepatutnya berlaku dari mula sampai akhir. (TB 2 Guru F, 7/4/2017)

### **Kefahaman tentang objektif**

Pelaksanaan PBS PSV perlu dilaksanakan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah. Perkara yang selalu diberi penekanan ataupun diberi keutamaan ialah menyatakan objektif yang bersesuaian dengan pelajar. Hal ini bertujuan supaya pelajar dapat menguasai kemahiran atau ilmu yang disampaikan oleh guru dengan tepat.

Bagi guru J, objektif pelajaran yang ditetapkan adalah atas pertimbangan dan latar belakang pelajar supaya objektif yang ringkas dapat dicapai oleh semua pelajarnya. Penetapan objektif yang ringkas adalah atas sebab faktor pelajarnya yang lemah dan latar belakang yang miskin iaitu kurang pendedahan kepada bahan-bahan seni. Guru J hanya menetapkan tiga objektif yang terakhir merupakan apresiasi seni iaitu memberi peluang kepada pelajarnya mempersembahkan hasil karyanya atau menceritakan tentang hasil karyanya. Ini dapat dilihat berdasarkan pendapat responden guru J:

Sebagai contoh guru mengajar bidang menggambar menggunakan teknik gosokan. Jika murid boleh memaham konsep teknik gosokan, mempersembahkan hasil karya dan boleh melakukan apresiasi maka murid dianggap memahami objektif pengajaran guru. (TB 8 Guru J, 14/4/2017)

Penyelidik mendapati guru E menentukan objektif pembelajaran berlainan dengan guru J. Guru E menetapkan objektif yang agak tinggi terhadap pelajarnya kerana sebelum melaksanakan penilaian PBS mereka telah pun didedah dan dilatih. Guru E terlebih dahulu mendedahkan kepada pelajarnya tentang aspek-aspek yang akan dinilai dan mereka pun telah biasa dengan aspek penilaian tersebut. Oleh yang demikian, jika objektif yang ditentukan oleh guru adalah rendah dan

tidak bersesuaian dengan tahap pelajar, maka objektif tersebut tidak dapat mengukur kebolehan sebenar yang ada pada pelajar-pelajar tersebut. Menurut guru E:

Di dalam kelas kita tekankan apa yang akan dinilai dalam PBS, penilaian kita terhadap murid adalah tinggi sebab mereka telah dilatih apa yang hendak dinilai sebelum mereka melaksanakan aktiviti yang dinilai melalui PBS. (TB 5 Guru E, 7/4/2017)

Penentuan objektif sepatutnya perlu berdasarkan tahap atau kemampuan pelajar kerana setiap orang mempunyai tahap yang berlainan sama ada tinggi, sederhana ataupun rendah. Oleh yang demikian, seseorang guru perlu menentukan objektif pembelajaran agar dapat mengukur kebolehan sebenar yang ada pada pelajarnya.

### **Menganalisis pelajar**

Menganalisis pelajar merupakan proses yang penting untuk mengetahui ciri-ciri umum pelajar seperti deskripsi umur, latar belakang, pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada pada pelajar atau sebagainya sebelum melaksanakan pembelajaran di dalam kelas. Melalui proses menganalisis pelajar, guru dapat mengetahui kehendak atau keperluan seseorang pelajar itu. Proses ini sebenarnya tidak mengambil masa yang panjang, seseorang guru yang baru sahaja mengendalikan kelas, perlu terlebih dahulu memahami kehendak pelajar dengan menyatakan kepada guru sebelumnya, berkomunikasi dengan ibu bapa pelajar tersebut, memerhati gerak geri pelajarnya dan juga berkomunikasi dengan pelajar itu sendiri untuk mengetahui maklumat yang lebih lanjut.

Menurut responden PS1 yang merupakan pentakbir sekolah cemerlang, beliau berpendapat bahawa proses menganalisis merupakan suatu proses yang tidak boleh terkecuali di mana fokus utama seseorang guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan adalah pelajar. Aspek menganalisis pelajar perlu dilihat dari segi kemampuan dan keupayaan pelajar. Beliau mengatakan bahawa biasanya guru-guru di sekolahnya akan menjalankan proses pembahagian kumpulan bagi pelajar yang menguasai dan pelajar yang tidak menguasai untuk memudahkan pembelajaran agar boleh mencapai objektif pembelajaran.

Berdasarkan instrumen yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, guru-guru akan memilih instrumen yang bersesuai dengan tahap keupayaan pelajarnya. Dengan adanya enam tahap dalam instrumen tersebut, maka guru-guru akan memilih mana-mana satu tahap daripadanya. Selain itu, terdapat pelbagai instrumen yang telah digunakan oleh sekolah beliau dan ia termasuk aspek pengetahuan umum yang sedia ada pada murid, maklumat ibu bapa murid sebagai maklumat laporan. Oleh kerana sekolah beliau ada ujian audit, aspek sempurna juga diambil kira, selain itu pihak sekolah tersebut juga mengambil kira aspek rumah, aspek pemikiran murid yang mempunyai unsur KBAT dan juga mendapat maklumat pelajar melalui pertanyaan daripada guru lain yang pernah mengajar pelajar-pelajar tersebut. Berikut merupakan pernyataan daripada responden PS1:

Kita melihat kepada kemampuan dan keupayaan murid. Kita akan bahagikan murid kepada kumpulan yang telah menguasai atau sebaliknya. Berdasarkan instrumen yang diberi, kita akan melihat tahap keupayaan murid tadi berdasarkan tahap satu sampai tahap enam, menilai aspek sama ada mereka telah faham atau sebaliknya. Kita ada program rakan sebaya dalam kelas. Pelbagai instrumen yang kita gunakan, pengetahuan umum, maklumat ibu bapa, pertanyaan daripada guru lain, seterusnya aspek di rumah, dan kepada aspek pemikiran KBAT. (TB PS 1, 7/4/2017)

Setiap guru mempunyai cara tersendiri untuk menganalisis pelajarnya. Terdapat juga guru yang menganalisis pelajarnya dengan memerhati pelajarnya sama ada suka sesuatu bidang ataupun tidak. Situasi ini bersesuaian dengan salah seorang responden iaitu guru G yang merupakan guru pemulihan khas yang mengajar PSV, beliau suka membuat senarai semak dan pemerhatian untuk menganalisis pelajar, berikut merupakan pernyataan beliau:

Dia ada setiap aspek-aspek yang ingin dilihat, mungkin murid ini lebih cenderung kepada kraf dan kurang pada corak dan rekaan, jadi setiap topik saya akan buat senarai semak dan juga pemerhatian mengikut skala pemarkahan dan bukan ikut sesuka hati. (TB 9 Guru G, 14/4/2017)

Sesetengah guru menganalisis pelajarnya semasa melaksanakan proses pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. Apabila mereka mengetahui kelemahan yang ada pada seseorang pelajar, mereka akan membimbing dengan serta merta supaya proses PdPc dijalankan dengan lancar dan memudahkan pelaksanaan PBS. Perkara tersebut dapat dilihat seperti apa yang telah dinyatakan oleh responden guru B:

Saya mengenalpasti kelemahan murid sewaktu murid melaksanakan pembelajaran dan saya terus bimbing dalam masa yang sama. (TB 10 Guru B, 28/4/2017)

Pada pendapat responden guru F, beliau berpendapat bahawa proses menganalisis ini dilaksanakan bukan menganalisis pelajar dari permulaan sahaja. Beliau akan menganalisis juga semasa bermulanya proses PdPc dengan membahagikan kerja kumpulan untuk menghasilkan karya seni di mana kumpulan yang lemah akan diberi tugas yang lebih senang berbanding dengan kumpulan pelajar yang mempunyai kecerdasan dan kreativiti yang tinggi sikit akan diagharkan tugas yang lebih tinggi atau mencabar agar proses penilaian dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna. Pernyataan daripada responden guru F adalah seperti berikut:

Kita tahu di mana kelemahan, itu sebab kenapa dalam seni tu, dia tu ada kerja kumpulan. Kalau kumpulan yang lemah, kita letak untuk buat yang ini, maknanya dia buat aktiviti yang ringan sikit. Kalau kanak-kanak yang dia punya kecerdasan dan kreativiti dia tinggi sikit, kita bagi dia kumpulan yang tinggi. (TB 2 Guru F, 7/4/2017)

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

PBS Pendidikan Seni Visual adalah satu sistem pentaksiran berpusat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang melibatkan peranan pelbagai pihak. KPM berharap usaha kerajaan membangunkan modal insan secara holistik dengan menekankan penguasaan ilmu pengetahuan, modal intelektual, pembudayaan sikap progresif dan pengamalan nilai, etika dan moral yang tinggi dapat dicapai melalui saluran PBS. Pelaksanaan PBS merupakan salah satu misi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu memberi tumpuan kepada pencapaian menyeluruh pelajar meliputi aspek rohani, emosi, jasmani dan intelek.

Hasil penyelidikan ini memberi maklumat yang berguna dalam meneroka pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual sebagai satu pentaksiran berdasarkan estetika. Kajian yang telah dijalankan ini merupakan satu penyelidikan yang bertujuan untuk meneroka pelaksanaan PBS PSV sebagai satu pentaksiran berdasarkan estetik. Memandangkan penyelidikan ini melibatkan jumlah partisipan yang kecil maka ianya juga dikaji dalam skop yang kecil juga. Adalah diharapkan kajian seterusnya boleh dilaksanakan dengan mengambil sampel yang lebih besar.

Kajian yang sama boleh juga dilakukan terhadap guru-guru PSV yang mengendalikan pentaksiran dalam kelas dengan menambahbaik instrumen untuk kesesuaian kumpulan sasar. Kaedah kajian seperti kaedah pemerhatian berulang kali, temu bual yang lebih lama dan menambah soalan-soalan yang relevan membolehkan penyelidik mendapat maklumat yang terperinci dan lebih tepat.

Salah satu dapatan penyelidikan ini adalah strategi pentaksiran yang dilakukan oleh guru untuk melaksanakan PBS. Oleh itu pengkaji seterusnya boleh membuat penyelidikan yang lebih berfokus tentang strategi yang sesuai dalam menjalankan pentaksiran dalam kelas khususnya bagi meningkatkan kemahiran berfikir pelajar.

## RUJUKAN

- Abdul Zubir Abd Ghani. (2007). Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di kalangan guru tingkatan 3. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Airasiyan, P.W., & Russell, M.K. (2008). *Classroom Assessment: Concepts and Application* (6th ed.), New York: McGraw-Hill.
- Ali Ab. Ghani. (2008). Membangun modal insan. Paper presented at the Konvensyen Nasional PIPP Kedua.
- Azizi Ahmad. (2010). Pentaksiran Pembelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beattie,D.K.(1997). *Assessment in art education*. Worcester, MA: Davis Publications.
- Brookhart, S.M. (2009). Assessment and Examinations.International Handbook of Research on Teachers and Teaching. 723-738.
- Burke, K. (2005). *How to assess authentic learning* (4th ed.) Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Chan, Y.F., Gurnam,K.S., & Md Rizal Md Yunus. (2009). *School Based Assessment Enhancing Knowledge and Best Practices*. Shah Alam. Universiti Publications Centre UiTM.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2008a). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (3rd ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- C. Savenye, W., & Robinson, R. (1996). *Qualitative research issues and methods: An Introduction for Educational Technologists*. New York: Macmillan Pubs.
- Hurwitz, A., & Day, M. (2001). Children and their art: Methods for the elementary school (7th ed.). Belmont: Wadsworth Group & Thompson Learning.
- Institut Aminuddin Baki. (2012). Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovasi. Paper Presented at the Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.
- Marzita Abdullah. (2003). 50 perubahan peperiksaan sejak sebelum merdeka, Utusan Online. Retrieved from [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0401&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0401&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_02.htm)
- McMillan, J.H. (2007). *Classroom assessment principles and practice for effective standard – based instruction*. Boston: Pearson Education.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M.B., & Huberman, A.M. (1992). *Data kualitatif*. Tjepjep Rphendi Rohidi. Jokarta: Universitas Indinesia.
- Mims, C. (2003). Authentic learning: A practical introduction guide for implemantary. Meridian: A Middle School Computer Technologies Journal, 6(1).
- Mok Soon Sang. (2011). *Falsafah Pendidikan Kurikulum & Profesionalisme Keguruan* (2nd ed.): Penerbitan Multimedia.
- Mokhtar Ismail. (2009). *Pentaksiran Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newmann, F.M., & Wehlage, G.G. (1993). Five Standard of Authentic Instruction. *Educational Leadership*, 50 (7), 8-12.
- Norizan Abdul Muhib. (2012, Oktober 29). Pelaksanaan PBS tidak bebankan guru. *Utusan Online*. Retrieved. [http://utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20121029/pe\\_01/PelaksanaanPBS\\_tidak\\_bebankan\\_guru](http://utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20121029/pe_01/PelaksanaanPBS_tidak_bebankan_guru).
- Rohayah Ishak. (2007). Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) bagi mata pelajaran KHB pada masa depan: Jangkaan pakar. Universiti Malaya.
- Saedah Siraj, Muhammad Faisal A. Ghami, & Khatijah P. Konyalan. (2009). Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah (PKBS) pada masa depan bagi mata pelajaran Sejarah: Satu Kajian Delphi. *Jurnal Pendidikan*, 29(2).
- Sidek Mohd Noah. (2003). *Reka bentuk penyelidikan, falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Silverman, D. (2010). *Doing qualitative research* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Stake, R.E. (2000). *Case Studies*. In Norman K. Denzin & Yvonna S.Lincoln (Eds.), *Handbook of qualitative research* (pp.435-453).Thousand Oaks: Sage.
- Tan, A.M. (2010). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Malaysia: Kesediaan guru, isu, dan panduan pelaksanaan*. Selangor, Malaysia: Gerak Budaya Enterprise.
- Tjetjep Rohendi Rohidi, Abdul Halim bin Hussain. (2015). *Metodologi penyelidikan seni*. Tanjung Malim: Malim Sarjana.
- Tyler, R.W. (1949). *Basic principles of curiculum and instruction*. Chicago, IL: University of Chicago Press.
- Vincent, P. & Denis, L. (2010). Penilaian dalam pendidikan. Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Vygotsky, L. (1978). *Mind in society*. Cambridge, MA: Harvard University Press